

Skim KWSP berlandaskan syariah pilihan buat pencarum Muslim

Pengumuman Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Datuk Shah-rul Ridza Ridzuan bahawa pen-carum boleh membuat pendaftaran untuk beralih da-ri pada skim konvensional kepada syariah bermula 8 Ogos adalah berita gembira, khususnya khu-susnya kepada pencarum beraga-ma Islam.

KWSP yang ditubuhkan di ba-wah Undang-Undang Malaysia, Ak-ta Kumpulan Wang Simpanan Pe-kerja 1991 (Akta 452) bersedia memperuntukkan RM100 bilion dana permulaan skim simpanan syariah dengan kaedah 'siapa cep-at dia dapat'.

Langkah diambil KWSP mem-beri kelegaan kepada pencarum Muslim yang selama ini terpaksa akur dengan pelaburan konven-sional.

Sebagai seorang Muslim, prinsip perlu diberi keutamaan berban-ding pulangan berbentuk wang ringgit. Dinyatakan bahawa skim simpanan syariah diperkenalkan KWSP tidak mempunyai jaminan pulangan dividen 2.5 peratus se-tahun seperti dinikmati selama ini.

Berdasarkan kajian dibuat KWSP, terdapat perbezaan pula-ngan antara simpanan konvensio-

nal dan Islamik dalam jangka pen-dek dan hampir sama pada jangka panjang.

Skim simpanan Islamik stabil Bagaimanapun, perbezaan itu ti-dak signifikan pada kadar 0.5 pe-ratus sama ada lebih tinggi atau rendah. Selain itu, skim simpanan Islamik ini mempunyai kelebihan tersendiri iaitu lebih stabil dan kukuh ketika berhadapan ketidak-tentuan ekonomi dunia.

Sebagai sebuah negara pelopor sistem kewangan Islam, skim sim-panan patuh syariah yang diurus-kan KWSP bakal menjadi dana per-saraan Islamik terbesar di dunia sekali gus mengukuhkan kedudu-kan Malaysia sebagai hab kewa-ngan Islam antarabangsa.

Semoga KWSP dapat mengurus-kan dana persaraan ini dengan cemerlang dan seterusnya dapat menarik lebih ramai pencarum bukan Islam menyertai skim ini.

Di samping itu, diharap ia juga dapat membuka membuka mata dan menjadi lembaran baru di dalam industri pengurusan dana persaraan pada peringkat antara-bangsa.

Azha Abdullah
Batu 9, Cheras

**Fakta
nombor**

**RM100
BILION**

dana permulaan
skim simpanan
syariah



Keratan akhbar BH pada 21 Jun lalu.